

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

TARIKH : 8 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam membantu ahli keluarga yang terjejas akibat ketua keluarga mereka kehilangan pekerjaan sumber pendapatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) menyedari kesan yang dihadapi oleh ahli keluarga yang terjejas akibat ketua keluarga yang kehilangan pekerjaan dan punca pendapatan untuk menanggung keluarga yang terkesan dengan pandemik COVID-19.

Pelbagai inisiatif telah pun dilaksanakan oleh Kementerian melalui agensi dan jabatan di bawahnya dalam menangani isu dan cabaran mendepani wabak COVID-19. Antara inisiatif yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

- a) Agihan Bantuan Sosial Bakul Makanan yang bernilai RM100 kepada 1,000 buah keluarga yang layak bagi 222 kawasan Parlimen dengan jumlah keseluruhan RM22.2 juta untuk 222,000 bakul makanan yang selesai diagihkan pada 6 Mei 2020;
- b) Agihan Bantuan Bakul Makanan di bawah Tabung NADMA COVID-19 berjumlah RM30.6 juta. Sebanyak 925,968 bakul makanan (sehingga Okt 2020) telah diagihkan dengan penglibatan seramai 4,293 orang petugas JKM dan kerjasama daripada pelbagai agensi Kerajaan;
- c) Kerjasama JKM dengan 3,260 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), syarikat korporat dan individu yang telah memanfaatkan seramai 472,364 orang penerima sumbangan;
- d) Menyediakan Perkhidmatan bantuan kewangan mengikut skim-skim bantuan kewangan di bawah JKM mengikut syarat dan kelayakan yang ditetapkan;
- e) Talian Khas Kaunseling COVID-19 telah diwujudkan bagi memberi perkhidmatan kaunseling dan psikologi kepada mereka yang terkesan daripada penularan wabak COVID-19 serta PKP dengan

SOALAN NO : 17

penglibatan seramai 528 orang kaunselor seluruh negara. Dalam tempoh dari 18 Mac 2020 hingga 19 Julai 2020, talian ini telah menerima sebanyak 2,270 panggilan.

- f) Talian Kasih 15999 dan Talian Kasih *Whatsapp* 019-26 15999 yang beroperasi 24 jam sehari, tujuh (7) hari seminggu. Sehingga 29 November 2020, sebanyak 164,706 panggilan telah diterima mengambil kira keperluan bagi golongan wanita, kanak-kanak, OKU serta warga emas;
- g) Kerjasama dengan *Humanitarian Country Team* Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam menyelaraskan penyaluran bantuan daripada segi kewangan, barangan keperluan, perkhidmatan atau kepakaran yang diperlukan; dan
- h) Inisiatif PENJANA - Program Subsidi TASKA dan Program Bantuan Tunai secara untuk Kumpulan Rentan khusus untuk ibu tunggal, OKU dan sukarelawan Program Khidmat Bantu di Rumah.

Sekian, terima kasih.